



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.jwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BANTU MEREMAJAKAN SEMULA PULAU RUSUKAN BESAR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 14 SEPTEMBER 2024 – Bagi menyambut saranan YAB Perdana Menteri untuk membangunkan WP Labuan dengan kerjasama pelbagai pihak, seramai lebih 300 sukarelawan menjayakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) Program Pembersihan dan Pengindahan Pulau Rusukan Besar yang sedang berlangsung sehingga hujung bulan September 2024 ini. Program ini adalah kerjasama strategik Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Yayasan Sukarelawan Siswa.

Pelaksanaan aktiviti CSR ini memberi fokus kepada aspek kebersihan untuk menjayakan industri pelancongan di WP Labuan dengan penglibatan sukarelawan gandingan badan kerajaan, komuniti dan NGO terdiri daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan, Yayasan Sukarelawan Siswa, Kelab Media Putrajaya, Kolej Matrikulasi Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Program CSR ini dilaksanakan secara bersiri sebanyak tiga kali. Siri pertama telah dilaksanakan pada 8 September 2024. Manakala siri kedua yang diadakan pada hari ini melibatkan seramai 70 sukarelawan bagi kerja-kerja membaikan struktur dan pembersihan pulau secara menyeluruh. Ini termasuk kerja-kerja membaiki fasiliti sedia ada seperti anjung tinjau, jeti, tandas, ruang makan dan melukis mural hiasan. Siri terakhir akan dilaksanakan pada 27 – 28 September 2024 merangkumi *final touch up* oleh penggiat media dan pelaksanaan aktiviti promosi dan publisiti menerusi rakaman kandungan digital berkaitan Wilayah Persekutuan Labuan, lokasi-lokasi pelancongan termasuk keindahan Pulau Rusukan Besar agar dapat dikongsi oleh netizen dengan naratif positif sekaligus menaikkan *rating* keunikan Pulau Labuan.

Melalui aktiviti seperti ini dapat mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pembersihan dan pengindahan Pulau Rusukan Besar bagi memberi nilai tambah kepada industri pelancongan pulau agar dapat berkembang pesat serta memberikan limpahan ekonomi dan penjanaan pendapatan kepada *local operator* di Pulau Rusukan Besar dan penjaja setempat. Komuniti WP Labuan juga dapat merasai *sense of belongings* terhadap keindahan khazanah alam pulau-pulau yang mereka ada supaya pulau itu sentiasa terjaga, bersih dan kekal *vibrant* sebagai destinasi pelancongan pulau pertama dalam lingkaran BIMP-EAGA.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
14 September 2024**